

28 JUN 2001

Mustapa-penerangan

TIGA RANCANGAN UMNO YANG BERTERUSAN HADAPI PIHAK LAWAN

JELI, 28 Jun (Bernama) -- Biro Penerangan Umno menetapkan tiga rancangan berterusan yang perlu diberikan perhatian sehingga pilihan raya umum akan datang.

Ketua Penerangan Umno Datuk Mustapa Mohamed berkata ketiga-tiga rancangan itu ialah mengemaskan aktiviti kumpulan pemikir, mengukuhkan kedudukan parti bagi menghadapi perang siber dan ketiga persediaan perang saraf (ceramah).

Kesemua rancangan itu adalah hasil susulan daripada input yang diterima semasa Perhimpunan Agung Umno yang diadakan baru-baru ini, katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis kesyukuran di Sekolah Kebangsaan Kemahang Dua di sini, hari ini.

Menurutnya Biro Penerangan Umno merangka program itu untuk menghidupkan isu dan cabaran yang dinyatakan oleh Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa perhimpunan parti itu baru-baru ini yang menyentuh perpaduan, Islam, pendidikan dan sebagainya.

"Yang penting kita nak pastikan saranan Presiden dapat kita teruskan," katanya.

Mustapa berkata Umno memberi perhatian terhadap kumpulan pemikir kerana parti itu sedang bersaing dengan pembangkang secara intelektual dan sumbangan kumpulan pemikir membolehkan parti menjelaskan falsafah dan perjuangannya.

Parti juga perlu memesatkan keupayaannya dalam perang siber khususnya melalui Umno online dan Kelab Maya Umno yang pada masa ini mendapat sambutan di kalangan orang ramai, katanya.

Majlis kesyukuran itu diadakan sempena kejayaan Sekolah Kebangsaan Kemahang Dua, yang dipiliah oleh Kementerian Pendidikan sebagai Sekolah Harapan Negara tahun lepas bagi kategori sekolah kebangsaan luar bandar.

--BERNAMA

SMO RAR RI